A **LEE ENG & SATU LAGI lwn. PP & RAYUAN YANG LAIN**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
AB KARIM AB RAHMAN H
[RAYUAN JENAYAH NO: BA-42S-54-06-2018,
BA-42S-55-06-2018 & BA-42H-93-06-2018]
B 7 SEPTEMBER 2020

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Perihal Dagangan 2011 – Seksyen 8(2)(b) – Membekal atau menawarkan untuk membekal barang-barang yang baginya perihal dagangan palsu digunakan – Sama ada rantai keterangan terputus – Sama*
C *ada elemen-elemen kesalahan berjaya dibuktikan*

PROSEDUR JENAYAH: *Pertuduhan – Pertuduhan alternatif – Tertuduh dituduh membekal atau menawarkan untuk membekal barang-barang yang baginya perihal dagangan palsu digunakan – Tertuduh dituduh dengan pertuduhan mendedahkan*
D *untuk pembekalan atau mempunyai milikan, jagaan atau kawalan untuk pembekal barang-barang perihal dagangan palsu – Sama ada pertuduhan alternatif bertentangan dengan s. 166 Kanun Tatacara Jenayah – Akta Perihal Dagangan 2011, ss. 8(2)(b) & (c)*

KETERANGAN: *Saksi – Saksi material – Kegagalan memanggil saksi material*
E *– Pertuduhan membekalkan atau menawarkan untuk membekal barang-barang yang baginya perihal dagangan palsu digunakan – Kesalahan bawah s. 8(2)(b) Akta Perihal Dagangan 2011 – Sama ada kegagalan memanggil saksi material menjejaskan kes pendakwaan – Sama ada membangkitkan anggapan bertentangan – Akta Keterangan 1950, s. 114(g)*

F Perayu-perayu dituduh di Mahkamah Sesyen, bawah s. 8(2)(b) Akta Perihal Dagangan 2011 ('Akta'), kerana membekalkan atau menawarkan untuk membekal barang-barang yang baginya perihal dagangan palsu digunakan ('pertuduhan utama') dan, alternatifnya, bawah s. 8(2)(c) Akta kerana didapati mendedahkan untuk pembekalan atau mempunyai milikan, jagaan
G atau kawalan untuk pembekal barang-barang perihal dagangan palsu ('pertuduhan alternatif'). Perayu pertama ialah pengarah perayu kedua. Kes pendakwaan mendedahkan bahawa, antara lain, (i) aduan dibuat oleh pihak syarikat sendiri iaitu Vitali International Sdn Bhd; (ii) perayu kedua menjalankan perniagaan berbentuk *hardware* dan terdapat tempat jualan dan simpanan barang-barang; (iii) sepasukan anggota serbuan Kementerian
H Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ('KPDNKK'), diketuai oleh SP2 dan disertai wakil pengadu, telah membuat serbuan di premis perniagaan perayu-perayu; (iv) setelah dua kali tidak dibenarkan masuk oleh pekerja perayu kedua ('Yew') dan perayu pertama sendiri, anggota KPDNKK akhirnya menjalankan pemeriksaan setelah meminta
I bantuan polis; (v) barangan jenama AKITA, yang dikatakan menggunakan satu perihal dagangan palsu, disita; dan (vi) borang siasatan yang disediakan

oleh SP2 ditandatangani oleh Yew. Pihak pembelaan (i) mencabar saksi-saksi pendakwaan tentang identiti barang kes yang dirampas dan dikatakan hilang; dan (ii) menghujahkan terdapat kecacatan tentang keterangan identiti barang kes. Di akhir perbicaraan, Hakim Mahkamah Sesyen mensabitkan perayu-perayu atas pertuduhan utama dan menjatuhkan hukuman denda RM8,600 jika gagal dua bulan penjara terhadap perayu pertama dan denda RM17,200 terhadap perayu kedua. Maka timbul rayuan ini oleh (i) perayu-perayu terhadap sabitan dan hukuman; dan (ii) pihak pendakwaan terhadap hukuman. Perayu-perayu menghujahkan (i) pihak pendakwaan gagal membuktikan barangan yang dirampas adalah barang perihal dagangan palsu; (ii) kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi, terutamanya Yew dan penjaga stor perayu kedua ('Faizal'), membangkitkan inferens tidak berpihak pada kes pihak pendakwaan bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 ('Akta'); dan (iii) terdapat keraguan tentang identiti barang kes yang disita.

Diputuskan (membenarkan rayuan perayu-perayu; menolak rayuan pihak pendakwaan):

(1) Pertuduhan alternatif yang dirangka terhadap perayu-perayu bertentangan dengan s. 166 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). Seksyen 166 KTJ memperuntukkan tertuduh boleh didakwa atas semua sekali atau mana-mana kesalahan itu jika satu-satu perbuatan atau siri perbuatan jelas sebegitu meragukan yang mana satu antara beberapa kesalahan yang boleh dibuktikan telah dilakukan. Misalan yang diberi adalah siri perbuatan yang boleh disifatkan mencuri atau menerima barang-barang curi atau pecah amanah dan tipu. Dalam rayuan ini, pertuduhan alternatif yang dirangka bukan daripada siri perbuatan atas beberapa kesalahan. Kesalahan dalam kes ini adalah bawah s. 8(2) yang terdiri daripada tiga kumpulan perbuatan. Oleh itu, pertuduhan hanya boleh dibuat atas kesalahan yang sama daripada salah satu kumpulan perbuatan tersebut bukannya alternatif untuk tiga kumpulan perbuatan berkenaan. Perayu-perayu, yang dituduh bawah kumpulan perbuatan kedua bawah s. 8(2)(b) Akta, tidak boleh dituduh secara alternatif untuk kesalahan yang sama bawah kumpulan perbuatan yang ketiga s. 8(2)(b). (perenggan 13)

(2) Hakim Mahkamah Sesyen gagal mempertimbangkan bahawa tiada apa-apa penjelasan tentang kenapa Faizal dan Yew tidak dipanggil memberi penjelasan tentang rantaian keterangan dan identiti barang kes yang disita serta barang-barang kes yang tidak dikemukakan di mahkamah kerana dikatakan hilang. Yew, yang juga telah menandatangani borang sita, adalah saksi penting untuk menjelaskan identiti barang kes yang dirampas dalam ketiadaan cap dagangan AKITA yang terdapat dalam borang bongkar yang dia tandatangan itu yang selari dengan laporan polis SP2. Kegagalan memanggil dua saksi ini menimbulkan

kelompongan dalam pembuktian identiti sebenar barang kes yang dirampas. Hakim Mahkamah Sesyen seharusnya mengguna pakai anggapan bertentangan bawah s. 114(g) Akta terhadap pihak pendakwaan. (perenggan 22)

(3) Keterangan tentang hal perkara pertuduhan, iaitu barang kes yang disita, harus pihak pendakwaan buktikan melampaui keraguan munasabah. Dari kehilangan barang kes dan tidak dikemukakan serta tidak mempunyai penjelasan oleh saksi pihak pendakwaan, memberi gambaran dan tanggapan bahawa barang-barang kes telah dikacau ganggu. Dalam kes ini, rantai keterangan identiti barangan kes terputus dan dalam satu-satu kes jenayah, tertuduh dibenarkan mengambil mana-mana peluang untuk menunjukkan kecacatan dalam kes pihak pendakwaan. Hakim Mahkamah Sesyen terkhilaf dalam mensabitkan perayu-perayu dengan pertuduhan tanpa mempertimbangkan kecacatan tersebut. Sabitan atas perayu-perayu tidak selamat dan diketepikan. Perayu-perayu dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan. (perenggan 25 & 29-31)

Kes-kes yang dirujuk:
Javad Safikhani v. PP [2017] 6 CLJ 604 CA ***(dirujuk)***
Muhamad Zafir Kamil v. PP & Another Appeal [2019] 6 CLJ 761 CA ***(dirujuk)***
PP lw. Bazleh Saeid Saleh & Satu Lagi [2014] 6 CLJ 979 CA ***(dirujuk)***
Sia Pang Liong v. PP [2012] 9 CLJ 848 FC ***(dirujuk)***
Yeong Kia Heng lwn. PP [1992] 1 CLJ 364; [1992] 1 CLJ (Rep) 372 SC ***(dirujuk)***
Yusri Pialmi v. PP [2010] 6 CLJ 878 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 166
Evidence Act 1950, s. 114(g)
Trade Descriptions Act 2011, s. 8(1), (2)(b), (c)
Trade Marks Act 1976 (repealed), ss. 30, 36

Bagi pihak perayu - Siew Kuan Onn; T/n ST Lee & Partners
Bagi pihak pendakwaan - Ahmad Nazneen; TPR

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Ab Karim Ab Rahman H:

[1] Perayu telah dituduh di bawah s. 8(2) Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta tersebut) kerana berurusan dengan sejumlah barangan seperti yang diperincikan dalam pertuduhan-pertuduhan (barang kes) menggunakan perihal dagangan tidak sah jenama AKITA yang berdaftar bagi Vitali International Lifting Equipment Ltd. Perayu pertama merupakan Pengarah Syarikat kepada perayu kedua.

[2] Pertuduhan-pertuduhan terhadap perayu-perayu sebagaimana berikut:

Perayu Pertama

Pertuduhan Pindaan (Pengarah Syarikat):

Bahawa kamu sebagai Pengarah Syarikat Katan Wangsa Sdn. Bhd. pada 22.10.2013, kira-kira jam 8.00 malam di Lot 16990, 17501 Jalan Besar, Taman Selayang Baru, Mukim Batu dalam daerah Gombak di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah didapati membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan;

1. 2 tan x 3 meter chain block – 29 unit
2. 0.75 tan x 1.5 meter lever block – 10 unit
3. 1 tan x 3 meter chain block – 32 unit
4. 1.4 tan x 5 meter chain block – 13 unit
5. 1 tan x 10 meter chain lock – 13 unit
6. 3 tan x 5 meter chain block – unit
7. 2 tan plain trolley – 4 unit
8. 1 tan plain trolley – 3 unit
9. 1 tan x 1.5 meter lever block – 41 unit
10. 1.5 tan x 1.5 lever block – 24 unit
11. 0.5 tan x 1.5 meter lever block – 2 unit
12. 0.25 tan x 1.5 meter lever block – 17 unit
13. 10 tan x 3 meter chain block – 9 unit
14. 3 tan x 5 meter electric chain hoist – 1 unit
15. 2 tan x 5 meter electric chain hoist – 1 unit

yang baginya suatu perihal dagangan palsu digunakan seolah-olah barang-barang itu tertakluk kepada apa-apa hak yang berhubungan dengan cap dagangan berdaftar bagi Vitali International Lifting Equipment Ltd. iaitu jenama Akita dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 8(2)(b) Akta Perihal Dagangan 2011 yang boleh dihukum dibawah seksyen yang sama.

Pertuduhan Pilihan (Pengarah Syarikat):

Bahawa kamu sebagai Pengarah Syarikat Katan Wangsa Sdn. Bhd. pada 22.10.2013, kira-kira jam 8.00 malam di Lot 16990, 17501 Jalan Besar, Taman Selayang Baru, Mukim Batu dalam daerah Gombak di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah didapati mendedahkan untuk pembekalan atau mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalan untuk pembekalan;

1. 2 tan x 3 meter chain block – 29 unit
2. 0.75 tan x 1.5 meter lever block – 10 unit
3. 1 tan x 3 meter chain block – 32 unit
4. 1.4 tan x 5 meter chain block – 13 unit

5. 1 tan x 10 meter chain lock – 13 unit
6. 3 tan x 5 meter chain block – unit
7. 2 tan plain trolley – 4 unit
8. 1 tan plain trolley – 3 unit
9. 1 tan x 1.5 meter lever block – 41 unit
10. 1.5 tan x 1.5 lever block – 24 unit
11. 0.5 tan x 1.5 meter lever block – 2 unit
12. 0.25 tan x 1.5 meter lever block – 17 unit
13. 10 tan x 3 meter chain block – 9 unit
14. 3 tan x 5 meter electric chain hoist – 1 unit
15. 2 tan x 5 meter electric chain hoist – 1 unit

yang baginya suatu perihal dagangan palsu digunakan seolah-olah barang-barang itu tertakluk kepada apa-apa hak yang berhubungan dengan cap dagangan berdaftar bagi Vitali International Lifting Equipment Ltd. iaitu jenama Akita dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 8(2)(b) Akta Perihal Dagangan 2011 yang boleh dihukum dibawah seksyen yang sama.

Perayu Kedua

Pertuduhan Pindaan (Syarikat):

Bahawa kamu pada 22.10.2013, kira-kira jam 8.00 malam di Lot 16990, 17501 Jalan Besar, Taman Selayang Baru, Mukim Batu dalam daerah Gombak di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah didapati membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan;

1. 2 tan x 3 meter chain block – 29 unit
2. 0.75 tan x 1.5 meter lever block – 10 unit
3. 1 tan x 3 meter chain block – 32 unit
4. 1.4 tan x 5 meter chain block – 13 unit
5. 1 tan x 10 meter chain lock – 13 unit
6. 3 tan x 5 meter chain block – unit
7. 2 tan plain trolley – 4 unit
8. 1 tan plain trolley – 3 unit
9. 1 tan x 1.5 meter lever block – 41 unit
10. 1.5 tan x 1.5 lever block – 24 unit
11. 0.5 tan x 1.5 meter lever block – 2 unit
12. 0.25 tan x 1.5 meter lever block – 17 unit
13. 10 tan x 3 meter chain block – 9 unit
14. 3 tan x 5 meter electric chain hoist – 1 unit
15. 2 tan x 5 meter electric chain hoist – 1 unit

yang baginya suatu perihal dagangan palsu digunakan seolah-olah barang-barang itu tertakluk kepada apa-apa hak yang berhubungan dengan cap dagangan berdaftar bagi Vitali International Lifting Equipment Ltd. iaitu jenama Akita dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 8(2)(b) Akta Perihal Dagangan 2011 yang boleh dihukum dibawah seksyen yang sama.

Pertuduhan Pilihan (Syarikat):

Bahawa kamu pada 22.10.2013, kira-kira jam 8.00 malam di Lot 16990, 17501 Jalan Besar, Taman Selayang Baru, Mukim Batu dalam daerah Gombak di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah didapati mendedahkan untuk pembekalan atau mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalan untuk pembekalan;

1. 2 tan x 3 meter chain block – 29 unit
2. 0.75 tan x 1.5 meter lever block – 10 unit
3. 1 tan x 3 meter chain block – 32 unit
4. 1.4 tan x 5 meter chain block – 13 unit
5. 1 tan x 10 meter chain lock – 13 unit
6. 3 tan x 5 meter chain block – unit
7. 2 tan plain trolley – 4 unit
8. 1 tan plain trolley – 3 unit
9. 1 tan x 1.5 meter lever block – 41 unit
10. 1.5 tan x 1.5 lever block – 24 unit
11. 0.5 tan x 1.5 meter lever block – 2 unit
12. 0.25 tan x 1.5 meter lever block – 17 unit
13. 10 tan x 3 meter chain block – 9 unit
14. 3 tan x 5 meter electric chain hoist – 1 unit
15. 2 tan x 5 meter electric chain hoist – 1 unit

yang baginya suatu perihal dagangan palsu digunakan seolah-olah barang-barang itu tertakluk kepada apa-apa hak yang berhubungan dengan cap dagangan berdaftar bagi Vitali International Lifting Equipment Ltd. iaitu jenama Akita dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 8(2)(b) Akta Perihal Dagangan 2011 yang boleh dihukum dibawah seksyen yang sama.

[3] Tuan Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) setelah mendengar pembelaan perayu telah mensabitkan kedua-dua perayu atas pertuduhan tersebut dan telah menjatuhkan hukuman denda RM8,600 jika gagal bayar dua bulan penjara terhadap perayu pertama dan denda RM17,200 bagi perayu kedua.

[4] Terkilan dengan keputusan sabitan tersebut, sekarang kedua-dua perayu merayu ke mahkamah ini. Sementara pihak pendakwaan merayu atas hukuman.

Versi Kes Pihak Pendakwaan

[5] Fakta kes pihak pendakwaan telah dihuraikan secara terperinci dalam penghakiman Tuan HMS sepertimana berikut:

> Pihak pendakwaan telah memanggil seramai lapan orang saksi bagi membuktikan pertuduhan ke atas OKS 1 dan 2. Saksi pendakwa kedua (SP2), Puan Saidatul Hanim bt Yahya, mengatakan pada tarikh 22/10/2013, beliau bersama-sama sepasukan anggota serbuan dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) cawangan negeri Selangor, dengan turut disertai oleh wakil dari syarikat pengadu telah membuat serbuan di premis perniagaan OKS 2, Katan Wangsa Sdn. Bhd. di alamat Lot 16990, 17501 Jalan Besar, Taman Selayang Baru, Mukim Batu, Selangor (premis tersebut). Jenis perniagaan yang dijalankan oleh OKS 2 ialah berbentuk hardware di mana terdapat tempat penjualan dan penyimpanan barang-barang (warehouse store).
>
> Pengaduan dibuat oleh pihak syarikat sendiri, Vitali International Sdn. Bhd. secara bertulis melalui wakil mereka di Malaysia iaitu Syarikat Topslings Sdn. Bhd. sepertimana terkandung dalam surat aduan, dieksibit P11(A, B dan C).
>
> Anggota-anggota KPDNKK lain yang turut serta dalam serbuan tersebut ialah Puan Zulian bt Mohd Yusuf, En. Mohd Radhee bin Mohamed Rizal (SP1, pelukis pelan lakar) dan En. Mohd Dhuhal Islam bin Nasuha. Manakala dari syarikat pengadu pula, syarikat Topslings Sdn. Bhd, ialah En. Lui Teck Chye, En. Ng Yong Wee (SP3) dan En. Teo Kok Keong (SP5).
>
> Semasa SP2 dan kumpulan serbuannya sampai di premis tersebut pada lebih kurang pukul 4.00 petang, SP2 telah memperkenalkan diri dan tujuan kedatangan sambil menunjukkan waran geledah kepada seseorang pekerja OKS 2 bernama Puan Yew Pei Noi yang menyatakan pihak majikannya tiada di premis. Puan Yew kemudiannya memaklumkan majikannya tidak membenarkan pemeriksaan dijalankan. Selanjutnya pada lebih kurang pukul 4.45 petang, OKS 1, En. Lee Eng sampai dan juga tidak membenarkan pemeriksaan dijalankan namun setelah meminta bantuan pihak polis barulah pasukan SP2 berjaya memasuki premis tersebut.
>
> Pasukan SP2 memulakan pemeriksaan mereka di bahagian kaunter premis dan mendapati terdapat lima jenis barangan AKITA dipamerkan di situ iaitu chain block, level block, plain trolley, meter electric chain hoist dan meter chain block. Selanjutnya mareka membuat pemeriksaan di bahagian gudang penyimpanan barang-barang yang terletak di bahagian belakang premis dan di sana antara lain menjumpai chain block, level block dan plain trolley jenama AKITA. Tindakan penyitaan diambil setelah SP5 mengesahkan kesemua barangan tersebut adalah barang jenama AKITA yang menggunakan satu perihal dagangan palsu. Kesemua 15 item seperti dalam pertuduhan ditemui dari tiga bahagian dalam premis tersebut sepertimana dilakarkan dalam pelan lakar, P3(A, B dan C).

Apabila dimaklumkan kepada OKS 1 bahawa penyitaan akan dilakukan, OKS 1 pada mulanya enggan membenarkan barangan tersebut disita tetapi dengan bantuan pihak polis OKS 1 akhirnya akur membenarkan kerjasama bagi membolehkan kerja-kerja penyitaan dijalankan. Namun setelah itu OKS 1 enggan menandatangani borang sitaan, P6, sebaliknya mengarahkan Puan Yiew untuk menandatanganinya. SP2 seterusnya telah membuat laporan polis Selayang 024537/13. Susulan dari P7, SP2 telah membuat satu lagi laporan polis Selayang 024599/13 (P8) bertujuan membuat sedikit pindaan kepada P7.

SP2 selanjutnya menjelaskan tindakan sitaan dibuat berdasarkan maklumbalas daripada wakil syarikat pengadu, SP5, yang mengesahkan barangan tersebut menggunakan jenama palsu AKITA. Menurut SP2 ianya satu kesalahan kerana pemilik disyaki menggunakan barangan palsu dalam perniagaan menawarkan dan dalam milikan premis itu ada ditemui bagi tujuan penjualan. Barang-barang kes tersebut telah disimpan di stor penyimpanan barang kes KPDNKK di Bukit Raja, Klang setelah didaftar dan dilabelkan dengan sewajarnya.

Pegawai penyiasat En. Azli bin Aripin (SP6) menyatakan telah menerima kes ini daripada unit perihal dagangan pada 25/10/2013 dan menjalankan siasatan sehingga beliau bertukar pada 16/12/2013 dan diambil alih oleh pegawai penyiasat yang lain. Hasil siasatan beliau mendapati barang kes telah didaftar atas nama Vitali International Lifting Equipment Ltd. dimana ia telah memberi kuasa kepada syarikat Top Slings Sdn. Bhd. sebagai pengedar tunggal dan mengambil tindakan bagi pihak pemilik cap dagangan. Bagi jenama Akita ia telah didaftar dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) di bawah kelas 7 sepertimana dalam P11B.

Puan Nursyuhaila bt Mohd @ Mustaffa (SP7), ialah pegawai penyiasat yang menggantikan SP6 dan tugas beliau amat singkat iaitu sembilan hari sahaja. Dalam tempoh tersebut beliau telah mengecamkan barang kes bersama SP5 di stor eksibit tersebut. Seterusnya tugas siasatan telah diambil alih oleh pegawai penyiasat yang baru iaitu En. Amer bin Hassan (SP8).

Hasil siasatan SP8 dengan antara lain merujuk kepada lapuran yang dibuat oleh pengadu, P34 dan P41, mendapati terdapat suatu kesalahan di bawah seksyen 8(2)(a), (b) dan (c) Akta Perihal Dagangan 2011. Kesalahan pihak OKS ialah menggunakan jenama AKITA dan Akita Block yang dimiliki oleh pihak lain. Pemilik cap dagang berdaftar bagi jenama tersebut ialah Vitali International dan ia telah memberi kuasa kepada Top Slings untuk jenama AKITA mengikut dokumen P11A.

Dapatan Tuan HMS Di Akhir Kes Pihak Pendakwaan

[6] Tuan HMS telah membuat dapatan di akhir kes pihak pendakwaan bahawa perayu-perayu telah membekalkan barang-barang perihal dagangan palsu iaitu barang kes secara penjualan. Dalam membuat dapatan ini, Tuan HMS telah merujuk kepada keterangan SP1, SP2 dan SP5 yang menunjukkan

barang kes dipamerkan di bahagian kaunter hadapan premis, dan di bahagian stor simpanan barang-barang, serta syarikat perayu merupakan syarikat berurusan barang-barang hardware dan semasa kejadian, syarikat perayu sedang dalam operasi. Berhubung dengan barang kes adalah barang-barang perihal dagangan palsu, Tuan HMS telah menerima keterangan SP4 yang merupakan tuan punya syarikat pemegang perihal dagangan AKITA tersebut yang didaftarkan di Malaysia dan keterangan beliau yang mengenal pasti akan barang kes jenama AKITA tulen dan palsu seperti dalam gambar P34(1-20) dan barang kes yang dirampas. Tuan HMS juga bergantung kepada keterangan SP5 yang merupakan pekerja kepada stor Topsling sebagai syarikat yang diberi hak oleh SP4 untuk mengedar dan menjual barang dagangan AKITA, yang telah membuat perbandingan barang tulen dengan barang palsu yang dirampas. Dengan itu Tuan HMS mendapati satu kes *prima facie* telah dibuktikan terhadap kedua-dua perayu.

Versi Kes Pembelaan

[7] Versi kes pembelaan secara ringkasnya seperti yang dihuraikan oleh Tuan HMS dalam penghakiman adalah bahawa Lee Eng @ Lee Soon Fatt yang merupakan perayu pertama telah membeli atau mengimport barang-barang kes tersebut dari negara China dalam tempoh antara 2004 sehingga 2012 melalui satu pameran dagangan yang dikenali sebagai Canton Fair.

[8] Dalam tempoh tersebut, terdapat empat pembelian barang dengan jenama AKITA iaitu pembelian daripada:

i. ChongQing Chinabase Import & Export Co.Ltd pada 1/7/2004 seperti di IDD 30(10)

ii. Zhejiang Shuangniao Michinery Co.Ltd. pada 31/3/2006 seperti di IDD 31(2)

iii. Jiangsu Ouma Machinery Co.Ltd. pada 13/6/2011 seperti di IDD 32(3)

iv. Jiangsu Ouma Machinery Co.Ltd. pada 10/7/2012 seperti di IDD 33(5)

IDD30 sehingga IDD33 dikatakan dokumen-dokumen yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat tersebut telah dikemukakan ketika di peringkat kes pendakwaan sewaktu pemeriksaan balas ke atas saksi-saksi pendakwaan. Seterusnya pembelaan juga mengemukakan pasport SD1 dan SD2 serta jemputan-jemputan untuk hadir ke Canton Fair sepertimana di eksh. D91, D92, D93, D94, D95 dan D99 (A-E). Seterusnya memandangkan reputasi Canton Fair, pihak OKS merasa selamat untuk membuat apa-apa juga pembelian daripada syarikat-syarikat di sana tanpa perlunya membuat sebarang semakan lanjut. Selain dari itu, dikatakan barangan-barangan yang dibeli oleh pihak OKS telah dibeli sebelum cap dagangan AKITA berkuat kuasa di Malaysia pada 18 Oktober 2012.

[9] Dalam menyokong jalur pembelaan itu, perayu telah mengemukakan bill of lading (IDD30 hingga IDD33) yang menunjukkan penghantaran barang yang dibeli tersebut dari Syarikat Zhejiang Shuangniao Michinery Co. Ltd. Zhejiang, China kepada syarikat perayu kedua. Perayu juga mengemukakan pasport-pasport SD1 dan SD2 serta jemputan-jemputan Canton Fair seperti di eksh. D91, D92, D93, D95 dan D99 (A-E).

Dapatan Tuan HMS Di Akhir Kes Pembelaan

[10] Tuan HMS mendapati di akhir kes pembelaan bahawa:

(i) bill of lading dan invoice IDD30, IDD31, IDD32 dan ID33 sekiranya diterima masuk menunjukkan perayu membeli pada 2004, 2006, 2011 dan 2012 barang kes tersebut untuk tujuan perniagaan barangan jenama AKITA dengan perihal dagangan palsu sedangkan Syarikat Vitali telah mendapat pendaftaran cap dengan AKITA di Malaysia pada 18 Ogos 2009; dan

(ii) Pembelaan perayu hanya merupakan penafian semata-mata.

Rayuan

[11] Peguam bela bagi kedua-dua perayu menghujahkan beberapa alasan rayuan iaitu:

(i) gagal membuktikan barangan-barangan yang dirampas adalah barang perihal dagangan palsu;

(ii) kegagalan memanggil saksi terutama penjaga stor barang kes dan pekerja syarikat perayu Puan Yew telah memberi inferen tidak berpihak kepada kes pihak pendakwaan bawah s. 114(g) Akta Keterangan; dan

(iii) keraguan mengenai identiti barang kes yang disita.

Pertuduhan

[12] Di dalam kes ini perayu pertama (P1) dan perayu kedua (P2) dituduh di bawah tuduhan bawah s. 8(2)(b) Akta Perihal Dagangan 2011 kerana membekalkan atau menawarkan untuk membekal barang-barang yang baginya perihal dagangan palsu digunakan dan secara alternatifnya di bawah s. 8(2)(c) telah didapati mendedahkan untuk pembekalan atau mempunyai milikan, jagaan atau kawalan untuk pembekalan barang-barang perihal dagangan palsu.

[13] Di dalam hal pertuduhan ini, Tuan HMS telah mendapati P1 dan P2 bersalah dengan pertuduhan utama. Dalam memutuskan soal rayuan ini, mahkamah ini mendapati bahawa pertuduhan pilihan yang dirangka terhadap perayu adalah bertentangan dengan s. 166 CPC. Seksyen 166 CPC memperuntukkan tertuduh boleh didakwa bagi semua sekali atau mana-mana kesalahan itu jika sesuatu perbuatan atau siri perbuatan jelas sebegitu

meragukan yang mana satu di antara beberapa kesalahan yang boleh dibuktikan telah dilakukan. Misalan yang diberi adalah siri perbuatan yang boleh disifatkan mencuri atau menerima barang-barang curi atau pecah amanah dan tipu. Seksyen 166 memperuntukkan satu siri perbuatan yang boleh membentuk jenis-jenis kesalahan yang meragukan di antara beberapa kesalahan. Di dalam kes rayuan ini, pertuduhan alternatifnya bukan dari siri perbuatan di atas beberapa kesalahan. Kesalahan di dalam kes ini adalah bawah s. 8(2) yang terdiri daripada tiga kumpulan perbuatan. Oleh itu pertuduhan hanya boleh dibuat atas kesalahan yang sama dari salah satu kumpulan-kumpulan perbuatan tersebut bukannya alternatif dari tiga kumpulan perbuatan berkenaan. Dengan itu perayu telah dituduh di bawah kumpulan perbuatan kedua bawah s. 8(2)(b) tidak boleh dituduh secara alternatif bagi kesalahan yang sama di bawah kumpulan perbuatan yang ketiga s. 8(2)(c). Dengan itu mahkamah ini hanya akan menyatakan tentang pertuduhan utama seperti yang diputuskan oleh HMS bawah s. 8(2)(b). Elemen yang harus dibuktikan adalah:

(i) barang-barang yang dirampas dikatakan terdiri daripada suatu perihal dagangan palsu digunakan seolah-olah barang itu tertakluk kepada apa-apa hak yang berhubungan dengan cap dagangan berdaftar bagi Vitali International Lifting Equipment Ltd iaitu AKITA; dan

(ii) perayu membekal atau menawarkan untuk membekalkan barang perihal dagangan palsu.

Barang Yang Dirampas Dan Barang Perihal Dagangan Palsu

[14] Pihak pendakwa telah mengemukakan keterangan salinan fotostat P16 iaitu Sijil Pendaftaran Cap Dagangan bagi barang-barang yang didaftarkan atas nama Vitali International Lifting Equipment Limited yang dikemukakan melalui SP4 iaitu Pengarah Syarikat Vitali Sementara melalui keterangan SP5 yang merupakan pekerja Syarikat Topsling (syarikat yang mendapat hak mengedar) dalam mengenal pasti perihal dagangan palsu yang dirampas itu.

[15] Seksyen 8(1) menyatakan "a trade description shall include an indication whether direct or indirect, and by any means given, in respect of any goods or part of goods relating to any right in respect of trade mark registered under Trade Marks Act 1976." Dengan itu mana-mana orang "supplies or offer to supply any goods to which false trade description is applied as if the goods were subject to any right relating to registered trade mark" dalam melakukan kesalahan.

[16] Dalam membuktikan barang-barang yang dirampas merupakan barang-barang berkaitan barang yang mempunyai perihal dagangan palsu seolah-olah barang-barang tersebut merupakan barang yang tertakluk kepada cap dagangan yang didaftarkan dengan nama Vitali International Lifting Equipment Limited, maka pihak pendakwaan harus membuktikan perihal

dagangan itu telah difaftarkan. Dalam menentukan sama ada "goods" atau barangan itu tertakluk kepada cap dagangan yang terletak hak kepada Vitali International Lifting Equipment Limited sebagai tuan punya berdaftar cap dagangan di bawah s. 30 Akta Cap Dagangan 1976 (Akta 175), maka pihak pendakwaan harus memanggil Pendaftar Cap Dagangan atau membuktikan syarikat Vitali International Equipment Limited merupakan tuan punya berdaftar yang sah bagi cap dagangan barang-barang tersebut.

[17] Di dalam rayuan ini, SP4 yang merupakan pemilik syarikat Vitali International Lifting Equipment Limited telah mengemukakan Sijil Pendaftaran Cap Dagangan no. 09013984 sebagai bukti menunjukkan barang-barang yang dinyatakan telah didaftarkan sebagai cap dagangan kepada syarikat beliau (P16). Walau bagaimanapun P16 hanya surat salinan fotostat tanpa apa-apa perakuan sah daripada MyIPO atau KPDNKK. Oleh itu, ia tidak secara sah boleh membuktikan pendaftaran tersebut kecuali pendaftar dipanggil untuk mengesahkan. Walau bagaimanapun pihak pendakwaan telah mengemukakan melalui pegawai penyiasat SP6 surat serta sijil pendaftaran daripada pihak MyIPO (Perbadanan Harta Intelek Malaysia) yang mengesahkan pendaftaran cap dagangan dengan mengemukakan trade mark detail (P86(A) dan P86(B)). Daripada P86(A) dan P86(B) menunjukkan terdapat dua sijil pendaftaran iaitu:

(i) Sijil Pendaftaran no. 09013984 (P86A) yang serupa dengan nombor sijil di eks. P16, dengan date of legal status dan date of certificate issued bertarikh 18 Oktober 2012, dengan cap dagangan yang didaftarkan sebagai "AKITA" bagi barang-barang dan perkhidmatan "Hand Chain Pulls, Level-Type Hoist, Hand Hoists; All Included in Class 7"; dan

(ii) Sijil Pendaftaran no. 09013985 (P86B) dengan date of legal status dan date of certificate issued bertarikh 7 Mac 2012 dengan cap dagangan "AKITABLOCK" bagi barangan dan perkhidmatan "Hand Chain Pulls, Level-Type Hoists, Hand Hoists; All Included in Class 7",

tetapi kedua-duanya didaftarkan atas nama Vitali International Lifting Equipment.

[18] Sementara itu, SP4 dalam membuktikan bahawa syarikat Vitali International Lifting Equipment telah didaftarkan dengan Pendaftar Syarikat Hong Kong telah mengemukakan sijil pendaftaran syarikat sebagaimana P22 dan P23 dan menunjukkan cap dagangan AKITA BLOCK atau AKITA adalah dua perkara yang sama. Dengan itu, keterangan pihak pendakwaan membuktikan syarikat Vitali International Lifting Equipment merupakan syarikat yang didaftarkan di Hong Kong merupakan pemilik cap dagangan AKITA BLOCK atau dengan nama AKITA telah didaftarkan cap dagangan di Malaysia.

[19] Dalam membuktikan cap dagangan tersebut, pihak pendakwaan telah mengguna pakai peruntukan s. 36 Akta 175 yang menyatakan bahawa:

> **Pendaftaran adalah keterangan *prima facie* mengenai sahnya pendaftaran asal cap dagangan, dsb**
>
> 36. Dalam semua prosiding di sisi undang-undang berkenaan dengan sesuatu cap dagangan berdaftar (termasuk permohonan di bawah seksyen 45) fakta bahawa seseorang adalah didaftarkan sebagai tuan punya cap dagangan itu adalah keterangan *prima facie* mengenai sahnya pendaftaran asal cap dagangan itu dan sahnya semua penyerahakan dan perpindahannya yang kemudian.

[20] Dalam kes ini, s. 36 Akta 175 tidak boleh digunakan. Dengan merujuk kepada sijil pendaftaran P86(A) dan P86(B) yang dikemukakan oleh MyIPO menunjukkan dua siri pendaftaran atas barangan dan perkhidmatan yang sama bagi syarikat yang sama iaitu "Vitali International Lifting Equipment".

[21] Sijil pendaftaran P86(A) dan P86(B) yang sama juga menunjukkan nama syarikat sebagai tuan punya berdaftar cap dagangan Vitali International Lifting Equipment yang berbeza dengan nama syarikat SP4 yang didaftarkan di Hong Kong sebagai Vitali International Lifting Equipment Limited (lihat P23). Vitali International Lifting Equipment dan Vitali International Lifting Equipment Limited adalah dua entiti nama syarikat yang berbeza. Dengan itu pendaftaran cap dagangan harus menjelaskan kedudukan nama syarikat tersebut dan pemilik-pemilik atau pemegang saham kepada syarikat tersebut. Ketiadaan keterangan Pendaftar telah menimbulkan keraguan sama ada syarikat SP4 Vitali International Lifting Equipment atau Vitali International Lifting Equipment Limited adalah sebenarnya tuan punya berdaftar bagi cap dagangan tersebut. Oleh itu, dengan pihak pendakwaan memutuskan pendaftar cap dagangan telah didaftar atas barang-barang tersebut dengan menggunakan sijil P86(A) dan P86(B) bahkan merupakan satu keterangan *prima facie* bahawa Vitali International Lifting Equipment Limited sepertimana pertuduhan merupakan tuan punya berdaftar cap dagangan atas barangan-barang yang dirampas.

Seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950

[22] Puan HMS telah gagal mempertimbangkan bahawa tiada sebarang penjelasan kenapa penjaga stor Mohd Faizal yang juga sebagai saksi yang ditawarkan kepada pembelaan dan saksi Puan Yew tidak dipanggil untuk memberi penjelasan mengenai rantaian keterangan dan identiti barang kes yang disita serta barang-barang kes yang dikatakan hilang yang tidak dikemukakan di mahkamah. Sementara Puan Yew Pei Noi merupakan pekerja syarikat perayu yang menandatangani borang sita (P6). P6 dan laporan polis SP2 mengenai rampasan (P7) tidak pernah menyatakan barangan dengan cap AKITA dirampas. Oleh itu Puan Yew Pei Noi saksi

penting bagi menjelaskan identiti barang kes yang dirampas dalam ketiadaan cap dagangan AKITA yang terdapat dalam borang bongkar yang beliau tandatangan itu yang selari dengan laporan polis SP2 di P7. Tidak ada penjelasan oleh pihak pendakwaan kenapa saksi-saksi ini tidak dipanggil mahupun ditawarkan kepada pembelaan. Kegagalan memanggil kedua-dua saksi ini telah menimbulkan lompongan dalam pembuktian identiti sebenar barang kes yang dirampas. Puan HMS seharusnya mengguna pakai anggapan bertentangan di s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap pihak pendakwaan. Dalam kes *Javad Safikhani v. PP* [2017] 6 CLJ 604 di ms. 613 Mahkamah Rayuan menyatakan:

> … They would be able to shed light on the issue of what happened to all the boxes of items seized from the boot of the taxi at the material time. It is insufficient for the prosecution to just offer them to the defence. In addition, there was no explanation at the prosecution's stage as to why these witnesses were not available or called as a witness. Failure to call these witnesses by the prosecution at the prosecution stage itself, creates gaps in the prosecution's case which is fatal to the charge against the accused.

Keraguan Mengenai Identiti Barang Kes

[23] Pihak pembelaan telah mencabar saksi-saksi pendakwaan terutama kepada SP2, SP5 dan SP8 mengenai identiti barang kes yang dirampas. Peguam bela perayu telah juga menghujahkan akan kecacatan mengenai keterangan identiti barang kes. Apabila identiti barang kes itu diputuskan mempunyai kecacatan ia boleh menjadi satu asas untuk perayu berjaya dalam kesnya (*Yusri Pialmi v. PP* [2010] 6 CLJ 878; [2011] 4 MLJ 533) dan apabila identiti dicabar maka menjadi tugas pihak pendakwaan untuk membuktikan melampaui keraguan munasabah bahawa tidak ada jurang dalam rantaian keterangan tersebut (*Sia Pang Liong v. PP* [2012] 9 CLJ 848; [2013] 2 MLJ 490 dirujuk). Dalam kes *Muhamad Zafir Kamil v. PP & Another Appeal* [2019] 6 CLJ 761; [2019] 5 MLJ 781 Mahkamah Rayuan menyatakan perkara dan kes yang sama menyatakan:

> The exact same points on the identity of the exhibits when ruled in favour of an accused person and had earned him an acquittal have been decided by the Federal Court and we were appraised of two of them by Ipin's counsel. In *Sia Pang Liong v. Public Prosecutor* [2013] 2 MLJ 490 this was what was crucially said by the court on this issue:
>
> [10] In this case, it is not true that the identity of the drug exhibits was not disputed by the defence. PW7 was cross-examined on this issue. At p 84 of the record of appeal, PW7 was asked:
>
> > Saya cadangkan barang-barang kes yang dirampas daripada OKT jika ada bukanlah barang-barang yang ada di Mahkamah hari ini.

A [11] Thus, the identity of the drug exhibits was being challenged by the appellant. **Once there is such a challenge, the prosecution bears the burden of proving beyond reasonable doubt that there are no gaps in the chain of evidence.** It is the burden of the prosecution to adduce evidence that the drug exhibits that were recovered from the appellant and that were sent to the chemist for analysis were the same drug exhibits that the
B appellant was charged with. (emphasis added.)

Earlier, in *Yusri bin Pialmi v. Public Prosecutor* [2011] 4 MLJ 533 this was what the court similarly held:

[11] We would like to categorically state here that the evidence adduced by the prosecution in the present case showed there is a reasonable defect
C in the identity of the case exhibit which is the subject matter of the prosecution against the appellant. In a criminal trial an accused person is permitted to take every available opportunity to reveal any defect in the prosecution's case (see the case of *Yeong Kia Heng v. Pendakwa Raya* [1992] 1 MLJ 327. **A defect with regard to the identity of the case exhibit in the present case to us is a serious matter. On this ground alone the appellant**
D **would succeed in his appeal.** (emphasis added.)

Hence, on the strength of the case authorities as cited above which we have no reason to distinguish, we have to discharge and acquit Ipin and Aliff for the safety of their convictions had been compromised. Their respective appeals were therefore allowed and the convictions and
E sentences passed by the learned judicial commissioner are set aside.

[24] Dalam kes di hadapan mahkamah ini, barang-barang kes seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan telah disita di premis syarikat perayu kedua iaitu Katan Wangsa Sdn Bhd oleh SP2. Satu borang penyiasatan telah
F disediakan oleh SP2 (P6) yang juga ditandatangani oleh seorang yang bernama Puan Yew bagi pihak perayu kedua. Dalam P6 mencatatkan 15 item barang kes yang disita tanpa label atau jenama AKITA yang menjadi hal perkara pertuduhan. SP2 turut membuat laporan (P7) mengenai rampasan yang sama yang juga tidak menyatakan apa-apa tentang label atau jenama AKITA atas barang-barang yang disita tersebut. Namun sehari selepas sitaan
G dibuat, SP2 telah membuat report P8 bagi meminda keterangannya bahawa "… terima barang yang disita tersebut (15 perkara) adalah dari cap dagangan berjenama Akita yang telah dibuat pengesahan cap dagangannya adalah wakil pihak pengadu Vital International …" Dengan itu peguam bela menghujahkan bahawa Puan HMS telah khilaf atau gagal mempertimbangkan
H bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu inti pati pertuduhan iaitu barang-barang kes yang disita mempunyai jenama AKITA. Pihak pendakwaan pula menghujahkan bahawa ketiadaan jenama AKITA pada P6 perlu dilihat secara keseluruhan keterangan dan bukannya secara berasingan. Dihujahkan bahawa SP2 merupakan saksi yang jujur dan report
I P6 dibuat bukan untuk meminda report P6 tetapi sebaliknya untuk menjelaskan berat sebenar barang kes jenis chain block iaitu 1.5 tan bukannya 15 tan seperti dalam report P6. Oleh itu Puan HMS telah membuat dapatan yang betul.

[25] Keterangan mengenai hal perkara pertuduhan iaitu barang kes yang disita dalam kes ini harus pihak pendakwaan buktikan melampaui keraguan munasabah. Dari pengamatan mahkamah ini, report P8 dibuat bukan sahaja bagi membetulkan berat 1.5 tan barang kes chain block tetapi juga menambah akan penjelasan mengenai barang kes yang disita bahawa terdapat padanya cap dagangan AKITA, yang merupakan perkara keterangan yang begitu penting. Semasa penyitaan dibuat ketika serbuan dihadiri dan diakui sendiri dalam borang penyitaan akan kehadiran Yew yang merupakan wakil perayu pertama dan kedua di premis itu.

[26] Seperti yang dihujahkan oleh pihak pendakwaan, mahkamah harus meneliti keseluruhan keterangan saksi pihak pendakwaan. Setelah mahkamah meneliti keseluruhan keterangan saksi pihak pendakwaan mengenai barang kes yang dirampas yang menjadikan hal perkara pertuduhan mendapati terdapat kecacatan dalam pembuktian identiti barang kes tersebut.

[27] Keterangan SP2 walaupun disokong oleh SP5 yang turut terlibat dalam serbuan, namun SP2 merupakan pegawai yang membuat sitaan. SP5 berperanan hanya untuk membuat pengesahan mengenai cap dagangan AKITA. Tetapi Puan Yew yang dalam kawalan premis itu tidak pernah dipanggil memberi keterangan. Ini menimbulkan keraguan mengenai identiti barang kes yang dirampas tersebut. Dalam hal keadaan ini, keterangan SP2 harus tertakluk kepada beberapa penilaian:

(i) SP2 tidak membuat penandaan pada barang kes yang dirampas. Tandaan yang dibuat hanya kepada kotak yang dilonggokkan kepada empat kumpulan iaitu tag biru 1/2 (P46A), 2/4 (P46B), 3/4 (P46C) dan 4/4 (P46D);

(ii) barang kes telah diserahkan kepada stor KPDNKK pada hari rampasan dibuat dan telah menyerahkan kepada dan diterima oleh penjaga stor Mohd Faizal bin Harun (lihat akuan penerimaan Mohd Faizal bin Harun eks. P10). Namun penjaga stor ini tidak pernah dipanggil untuk menjelaskan mengenai identiti barang kes yang diserahkan kepada beliau;

(iii) tiga orang pegawai penyiasat telah dilantik dalam kes ini, yang masing-masing tidak pernah membuat apa-apa tandaan atau mempastikan dan mengecamkan barang kes secara fizikal secara satu persatu semasa memberi keterangan;

(iv) keterangan SP8 salah seorang pegawai penyiasat ketika ditujukan dengan gambar P34 (1-20) hanya mengatakan beliau ada melihat barang-barang kes walau bagaimanapun tidak menyemak setiap satu barang kes tersebut;

(v) kuantiti hal perkara barang kes dalam pertuduhan bagi item 7 sepatutnya empat unit tetapi semasa bicara dikemukakan hanya tiga unit dan item 8 sepatutnya tiga unit tetapi dikemukakan dua unit. Tiada apa-apa penjelasan daripada mana-mana saksi pihak pendakwaan tentang keadaan barang-barang kes tersebut (ms. 201-202 Jilid 2A RR dan ms. 242-243 Jilid 2B RR).

(vi) SP2 semasa memberi keterangan menyatakan ada membuat tandaan pada semua barang kes dengan membuat pelabelan dengan gunakan sticker yang dicatitkan tarikh kejadian, nombor report dan tandatangan. Namun SP2 tidak pernah dirujuk dengan barang kes secara fizikal dan mengesahkan serta mengecam tanda-tanda tersebut. Bahkan tidak ada mana-mana saksi pihak pendakwaan mengesahkan tandaan yang sama. Dari penelitian mahkamah ini, kotak yang ditandakan oleh SP2 merujuk kepada empat buah kotak yang bertag biru yang dicamkan sebagai P46A, P46B, P46C dan P46D yang masing-masing mengandungi barang-barang yang dirampas mengikut empat kategori barang (sila rujuk ms. 182-190 Jilid 2A). Namun SP2 tidak pernah dalam keterangannya mengecamkan barang-barang kes yang disita secara fizikal yang di dalam kotak-kotak itu yang dikatakan yang ditandakan dengan pelekat, no. report dan tandatangan beliau. Apa yang pasti adalah hanya pengecaman dan tandaan yang dibuat atas empat kotak tersebut tidak kepada barang-barang kes yang dirampas;

(vii) SP2 dan SP5 tidak menurunkan apa-apa tandaan atau tandatangan atas kesemua barang-barang kes yang disita. SP5 hanya mengambil salah satu item untuk diperiksa;

(viii) Sementara SP5 dalam keterangannya menyatakan hanya membuat pengesahan atas barang-barang kes yang dirampas semasa lawatannya ke stok KPDNKK pada 13 Januari 2014, kira-kira tiga bulan selepas kejadian dan beliau telah merakamkan gambar-gambar P34 (sila lihat ms. 125 Jilid 2A Rekod Rayuan dan P34A di ms. 121 Jilid 3A Rekod Rayuan dan ms. 205 Jilid 3A Rekod Rayuan). Gambar-gambar yang dikatakan dirakamkan (P34) oleh SP5 itu menjadi rujukan kepada saksi-saksi pendakwaan semasa memberi keterangan. Gambar-gambar itu sendiri tidak boleh dijadikan ekshibit memandangkan:

(i) CD yang menyimpan imej gambar tidak diterima oleh mahkamah dan tidak dikemukakan sebagai ekshibit (ms. 125-126 Jilid 3A Rekod Rayuan) dan telah membatalkan P42 (ms. 229 Jilid 2B Rekod Rayuan); dan

(ii) memori kad yang menyimpan kamera juga telah hilang (ms. 152-153 Jilid 2A Rekod Rayuan).

[28] Secara keseluruhannya didapati keterangan SP4 dan SP5 mengenai identiti barang kes yang disita dengan yang disimpan di bilik stor KPDNKK dan barang kes yang disahkan oleh SP5 tiga bulan selepas kejadian itu menunjukkan kecacatan munasabah dalam identiti barang kes yang menjadi hal perkara pertuduhan terhadap perayu.

[29] Dari kehilangan barang kes dan tidak dikemukakan serta tidak mempunyai penjelasan daripada saksi pihak pendakwaan memberi gambaran dan tanggapan bahawa barang-barang kes telah dikacau ganggu. Di ms. 615 kes *Javad Shafikhani v. PP* (*supra*) Mahkamah Rayuan memutuskan:

> [36] One cannot discount the missing exhibits and concluded that P15 and P16 were not tampered with. THE FACT THAT SOME OF THE ITEMS WERE MISSING SUGGESTS THAT THE EXIBITS HAVE BEEN TAMPERED WITH …

[30] Dalam kes ini, rantai keterangan identiti barang-barang kes terputus dan dalam sesuatu kes jenayah, tertuduh dibenarkan untuk mengambil mana-mana peluang untuk menunjukkan kecacatan dalam kes pihak pendakwaan (kes *Yeong Kia Heng v. PP* [1992] 1 CLJ 364; [1992] 1 CLJ (Rep) 372; [1992] 1 MLJ 327 dirujuk). Dalam kes *PP lw. Bazleh Saeid Saleh & Satu Lagi* [2014] 6 CLJ 979 menyatakan:

> [14] Berbalik kepada kes di hadapan kami ini, sungguhpun pihak pendakwaan telah mengetahui isu identiti ini telah ditimbulkan dan lagi pula kes *Zaifull* telah memutuskan tentang pentingnya bagi pihak pendakwaan untuk memberi penjelasan bagi percanggahan tersebut, namun malangnya tiada sebarang keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi pendakwaan bagi menjelaskan isu penting ini. Dengan yang demikian, kami bersetuju dengan keputusan YA hakim bicara bahawa wujudnya keraguan munasabah dalam kes ini di mana barang-barang kes yang dirampas telah sebenarnya diusik dan oleh itu, rantaian keterangan dalam kes pendakwaan telah terputus akibat isu ini dan wujudnya keraguan munasabah sama ada barang-barang kes yang dihantar kepada SP5 adalah barang kes yang sama yang telah dirampas dari kawalan kedua-dua responden. Persoalan-persoalan yang ditimbulkan di atas langsung tidak dapat dijelaskan oleh pihak pendakwaan di dalam kes ini dan seterusnya menimbulkan satu kelompongan atau 'gap' yang besar dalam kes pendakwaan …

Oleh itu Puan HMS telah khilaf dalam mensabitkan perayu dengan pertuduhan tanpa mempertimbangkan kecacatan tersebut.

[31] Dengan ini mahkamah ini mendapati sabitan ke atas kedua-dua perayu adalah tidak selamat. Rayuan perayu pertama dan kedua adalah dibenarkan dan sabitan diketepikan. Kedua-dua perayu dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan. Jika apa-apa denda telah dibayar hendaklah dikembalikan kepada perayu. Selaras dengan keputusan ini, mahkamah ini menolak rayuan pihak pendakwaan atas hukuman.